

Dunia

Arab Saudi terima lonjakan luar biasa jemaah umrah

BERITA HARIAN 3/9/2023 KWC: 22

Langkah kerajaan permudah prosedur visa menyumbang peningkatan pengunjung

Jeddah: Arab Saudi menyaksikan lonjakan luar biasa jemaah umrah, peningkatan ketara di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi dengan jangkakan kedatangan 30 juta orang musim ini.

Timbalan Menteri Haji dan Umrah, Dr Abdelfattah Mashat, berkata terdapat peningkatan ketara dari semua negara dengan jumlah terbesar datang dari Pakistan, Indonesia, India, Iraq, Yaman dan Bangladesh.

“Tempoh akan datang akan menyaksikan peningkatan jumlah jemaah dari pelbagai negara

lain di dunia”, katanya.

Ucapan beliau selepas sebulan setengah bermulanya musim umrah pada awal tahun baharu Hijrah dengan kebanjiran jemaah ke Masjidil Haram dan Masjid Nabawi, menandakan musim ini bakal mencatatkan peningkatan melebihi musim sebelumnya.

Lonjakan itu didorong usaha kerajaan Arab Saudi memudahkan umat Islam dari seluruh dunia mengunjungi dua masjid suci berkenaan, lapor *Saudi Gazette* yang memetik laporan Asharq al-Awsat.

Dr Mashat menegaskan peningkatan itu disebabkan beberapa faktor, yang paling utama adalah usaha kerajaan memudahkan prosedur visa.

Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan adalah kemudahan disediakan menerusi platform Nusuk untuk orang ramai mendapatkan visa dan berkomunikasi dengan penyedia perkhidmatan, serta peningkatan bilangan syarikat yang berope-

rasi dalam perkhidmatan umrah dan mereka yang khusus dalam bidang perhotelan yang bersaing dalam memberikan perkhidmatan terbaik dengan kualiti tinggi.

Mohon terus visa

Peraturan baharu itu juga berperanan membolehkan mereka yang datang dari luar Arab Saudi yang memegang pelbagai jenis visa menunaikan umrah, di samping memanjangkan tempoh sah visa umrah kepada 90 hari dan membatalkan keperluan mahram (saudara kandung) untuk menemani jemaah wanita, kata Dr Mashat.

Peningkatan jumlah jemaah umrah juga disebabkan kemudahan yang membenarkan permohonan terus visa umrah melalui platform Nusuk, serta keputusan mengurangkan nilai insurans perubatan tanpa menjejaskan kualiti perkhidmatan disediakan dan membenarkan pemegang visa untuk bergerak ke seluruh wilayah Arab Saudi.

Bercakap mengenai Nusuk, Dr Mashat berkata ia adalah platform paling menonjol dalam transformasi digital dan teknikal dalam memberi khidmat kepada jemaah haji kerana ia adalah portal komprehensif yang mana pengguna boleh merancang keseluruhan perjalanan umrah.

Antara yang menyumbang dalam memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada jemaah sepanjang perjalanan adalah penubuhan Pusat Jagaan Tetamu (Enaya) oleh Kementerian Haji dan Umrah yang bercirikan bekerja sepanjang masa menerima aduan umrah dalam pelbagai bahasa, serta berusaha menanganinya dalam tempoh paling singkat.

Dr Mashat berkata, kementerian juga berminat memantau kerja penyedia perkhidmatan umrah melalui beberapa mekanisme sulasan, sambil menegaskan terdapat peraturan jelas dalam hal berkenaan untuk menentukan pelanggaran dan penalti. AGENSI